



JOJAPS

eISSN 2504-8457



Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Aspirasi Karier Sebagai Usahawan: Tahap Pengetahuan & Trend Minat Pelajar Semester Akhir Jurusan Kreatif di Politeknik Malaysia Ibrahim Sultan

Norfaridzen Tohit¹ & Johaini Ibrahim²

Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang Johor
(ajinobart@gmail.com)
(johainiibrahim@gmail.com)

Abstrak

Graduan yang cemerlang merupakan pewaris kepimpinan negara pada masa akan datang. Golongan ini bukan sahaja menjadi aset kepada pembangunan ekonomi negara malah mereka juga menjadi tonggak utama untuk Malaysia menuju negara maju pada tahun 2030. Faktor kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam kalangan graduan merupakan satu permasalahan pada masa kini. Saban tahun, masalah pengangguran ini telah menjadi satu isu yang kritikal kepada negara dengan peningkatan jumlah graduan yang tidak mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dijalankan bertujuan mengetahui tahap pengetahuan dan trend minat para pelajar semester akhir jurusan kreatif terhadap bidang keusahawanan ini. Rekabentuk kajian adalah berbentuk kajian tinjauan dimana data dikumpul melalui pendedaran borang soal selidik. Kaedah tinjauan menggunakan boring soal selidik (tadbir sendiri) dan telah diedarkan kepada responden secara digital dengan skala Likert 4 mata. Seramai 82 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar bagi program Diploma Rekabentuk Grafik, Diploma Rekabentuk Industri, Diploma Rekabentuk Fesyen dan Diploma Animasi Kreatif di Politeknik Ibrahim Sultan. Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mengukur tahap pengetahuan pelajar terhadap bidang keusahawanan, mengenalpasti trend minat pelajar dalam bidang keusahawanan dan faktor kecenderungan ke arah aspirasi memilih keusahawanan sebagai karier. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian mendapati pelajar telah menunjukkan tahap pengetahuan pelajar terhadap keusahawanan, trend minat pelajar dan faktor kecenderungan yang sederhana tinggi terhadap keusahawanan sehingga mampu mencetuskan aspirasi terhadap pemilihan karier keusahawanan. Responden juga bersedia untuk mengikuti skim latihan dalam bidang keusahawanan dan bersedia memulakan perniagaan sendiri selepas graduasi. Implikasi dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk Politeknik Malaysia Ibrahim Sultan lebih proaktif melaksanakan transformasi dalam penyampaian kursus keusahawanan yang dinamik dalam melahirkan insan yang holistik, seimbang serta mempunyai minda keusahawanan sehingga mampu bertindak sebagai penjana pekerjaan. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, semua pihak termasuk pelajar, pensyarah, Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi, ibu bapa dan masyarakat harus bertanggungjawab memberi sokongan dalam meyakini potensi karier keusahawanan sebagai satu aspirasi selepas tamat pengajian.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Kata kunci: - Aspirasi, Kerjaya, Usahawan, Keusahawanan, Pelajar Jurusan Kreatif

1. Pengenalan

Karier merupakan satu topik utama yang sering difikirkan oleh setiap graduan selepas menamatkan pengajian. Asas kehidupan masa hadapan seseorang berkait rapat dengan bidang karier yang dipilihnya. Pemilihan karier adalah suatu proses yang berterusan bermula dengan persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang hingga ke peringkat remaja dan awal dewasa (Tolbert, 1974). Aspirasi atau cita-cita menjadi daya penggerak ke arah sesuatu bidang karier yang diidamkan. Aspirasi kepada karier sebagai usahawan memainkan peranan yang penting bagi seseorang untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Aspirasi dapat didefinisikan sebagai orientasi mental seperti keinginan, hasrat dan harapan dapat mempengaruhi pilihan keusahawanan seseorang (Zhenxia Peng, Genshu Lu & Hui Kang, 2012). Ia disokong oleh kajian Ahmad Firdaus, Mohd Khatta, Dayana Farzeha (2014) bahawa aspirasi keusahawanan menggambarkan keadaan fikiran yang mencetuskan orang ramai untuk memilih bekerja sendiri dan bukannya memilih pekerjaan makan gaji.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Lonjakan 1 menggariskan Graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang merupakan aset penting kepada pembangunan negara sama ada pembangunan sosial atau ekonomi negara. Pelbagai pendekatan perlu digembleng bagi memastikan perancangan ini tercapai. Pada masa kini penglibatan golongan pelajar di dalam program pembudayaan keusahawanan di politeknik bertujuan untuk membangkitkan aspirasi keusahawanan di kalangan graduan agar mereka lebih berketrampilan, berkeyakinan, mempunyai daya saing yang tinggi dalam bidang pemasaran dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bidang keusahawanan telah mengalami transformasi yang ketara. Bidang keusahawanan dilihat semakin penting dan menyumbang kepada ekonomi negara. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh setiap peringkat dan agensi untuk meningkatkan penyertaan golongan muda dalam bidang keusahawanan. Keusahawanan adalah di antara bidang yang telah diberi penekanan khusus sejak ia diperkenalkan didalam sistem pendidikan negara terutamanya di peringkat institusi pengajian tinggi. Bidang keusahawanan menjadi semakin popular sebagai satu cabang karier pilihan. Keusahawanan merupakan salah satu cabang kerjaya yang telah lama dipraktikkan di dalam dunia ini dimulai dengan sistem pertukaran barang sehingga kewujudan matawang dalam setiap urusniaga. Pelbagai teori dan hasil kajian yang berkaitan bidang keusahawanan juga semakin dinamik dan mendapat perhatian. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa aspirasi keusahawanan adalah pemikiran dan keinginan seseorang dalam memilih keusahawanan sebagai karier mereka.

1.1 Penyataan Masalah

Isu pengangguran telah menjadi satu isu sensitif kepada masyarakat di Malaysia terutama di kalangan golongan graduan. Pengangguran merupakan satu penyakit era globalisasi yang semakin menular ke negara ini. Saban tahun negara kita dikejutkan dengan isu kegagalan belia terutama golongan graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Kadar pengangguran yang tinggi ini turut dikaitkan dengan kebolehpasaran graduan untuk menempatkan diri dalam pasaran kerja yang mencabar. Sekiranya tidak ditangani dengan serius akan merencatkan pertumbuhan ekonomi negara sekaligus memberi impak yang negatif kepada kemajuan negara. Berdasarkan *Entrepreneurial Intention & Total Early-Stage Entrepreneurial Activity (TEA)* pencapaian Malaysia yang rendah dari aspek aspirasi menjadi usahawan (*entrepreneurial intention*) bagi tahun 2014-2017 meletakkan Malaysia ditangga terakhir dari kalangan 6 Negara ASEAN. Prestasi membimbangkan ini meletakkan Malaysia di tangga terakhir iaitu menunjukkan bidang keusahawanan tidak menarik perhatian rakyat di Malaysia. Keusahawanan merupakan satu bidang sains sosial yang mengandungi pelbagai dimensi makna. Para penyelidik dan sarjana masih mencari makna yang begitu holistik untuk dijadikan sebagai panduan. Menurut (Peter K. Drucker, 1985) definisi keusahawanan adalah kombinasi idea, usaha, penyelarasan perniagaan, pengurusan sumber yang optima untuk mengeluarkan hasil dan output di dalam pasaran. Pembentukan pelajar secara holistik bakal memberi impak kepada karier masa depan hadapan. Mereka mempunyai pelbagai kepakaran daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan teknologi yang dipelajari di institusi dan ilmu tersebut sangat berguna jika dapat disalurkan ke arah yang betul dan boleh dimanfaatkan oleh generasi lain. Walaupun negara menghadapi kadar pengangguran yang agak tinggi akibat cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu dan penularan pandemik covid-19, namun pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh kerajaan untuk golongan belia termasuk pelajar bergiat aktif dalam usaha menjana ekonomi negara. Galakkan dan pendedahan perlu diberikan kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan kerana golongan ini berpotensi menjadi bakal usahawan yang berjaya. Sikap, minat dan perspektif mereka terhadap kerjaya keusahawanan harus digilap agar keusahawanan dipilih sebagai salah satu aspirasi karier selepas mereka menamatkan pengajian. Peranan kerajaan mewujudkan peluang kepada platform perniagaan dengan menyediakan kemudahan seperti pinjaman, khidmat nasihat dan skim latihan berterusan merupakan usaha murni yang sepatutnya diambil perhatian oleh semua golongan termasuk di kalangan graduan


2. Objektif Kajian

- Mengenalpasti tahap pengetahuan di kalangan pelajar jurusan kreatif di Politeknik Malaysia Ibrahim Sultan setelah mengikuti kursus keusahawanan.
- Mengenalpasti trend minat terhadap keusahawanan di kalangan pelajar jurusan kreatif di Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual
- Mengenalpasti faktor kecenderungan yang wujud dalam usaha mempengaruhi aspirasi pelajar untuk memilih karier sebagai usahawan.

2.1 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah dibawah adalah rangka konseptual bagi kajian ini. Pembentukan rangka konseptual kajian ini adalah berdasarkan kepada model kajian yang diadaptasi oleh (Parimala Rengiah, 2013). Rajah(a) menunjukkan tiga pemboleh ubah tidak bersandar iaitu tahap pengetahuan pelajar, minat pelajar kepada keusahawanan dan faktor kecenderungan menjadi usahawan. Seterusnya pemboleh ubah bersandar pula adalah aspirasi karier sebagai usahawan.

Rajah(a) : Konseptual Kajian



3. Metodologi

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikutip dengan menggunakan borang soal selidik yang diurus tadbir sendiri oleh responden. Kajian berbentuk tinjauan ini dilaksanakan di Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan, Johor. Borang soal selidik ini telah diedar secara digital untuk mengumpul dapatan daripada pelajar jurusan kreatif terhadap pemilihan karier dalam keusahawanan. Kajian di lapangan mengambil masa selama sebulan dan telah dijalankan pada bulan Mac 2020. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Skor min digunakan bagi mengukur aspirasi pelajar semester akhir dalam memilih keusahawanan sebagai karier.

3.2 Responden dan Lokasi Kajian

Responden kajian terdiri daripada 82 orang pelajar Diploma Rekabentuk di semester akhir yang telah mengambil kursus Keusahawanan di Politeknik Malaysia Ibrahim Sultan. Teknik persampelan yang akan diaplikasikan didalam kajian ini ialah persampelan bertujuan (merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji). Persampelan bertujuan ini dipilih kerana kajian ini ingin meninjau tahap pengetahuan, minat & faktor kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan sebagai pilihan karier dikalangan pelajar jurusan kreatif yang mengambil Diploma Rekabentuk sebagai responden.

3.3 Alat Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set borang soal selidik tertutup yang telah diadaptasi daripada soalan yang dibangunkan oleh (Parimala Rengiah, 2013) dan disesuaikan dengan kehendak kajian. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A (Tahap Pengetahuan Pelajar Selepas Mengikuti Kursus Keusahawanan), Bahagian B (Trend Minat Pelajar Terhadap Keusahawanan), Bahagian C (Faktor Kecenderungan Pelajar Terhadap Keusahawanan).

3.4 Analisis Data Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan soal selidik yang melibatkan 82 orang pelajar daripada Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual di Politeknik Ibrahim Sultan. Kesemua sampel adalah terdiri daripada pelajar jurusan kreatif yang sedang mengikuti program Diploma Rekabentuk Grafik (DRG), Diploma Rekabentuk Industri (DRI), Diploma Rekabentuk Fesyen & Pakaian (DFP) dan Diploma Animasi Kreatif (DAK), rujuk jadual 1.

Program	Bilangan Pelajar	%
DRG	21	25.6
DRI	20	24.4
DFP	23	28
DAK	18	22
Jumlah	82	100

Jadual 1: Bilangan pelajar ikut program

Tahap pengetahuan pelajar terhadap bidang keusahawanan telah diukur melalui 11 pernyataan. Trend minat pelajar telah diukur melalui 11 item. Manakala Faktor Kecenderungan pelajar terhadap keusahawana telah diukur melalui 15 item. Penyelidik telah membangunkan instrumen kajian dengan mengadaptasi instrumen yang telah digunakan oleh (Parimala Rengiah,2013). Skala Likert telah digunakan dan bersesuaian dengan pernyataan dan konteks minat iaitu (1) sangat tidak setuju sehingga skala (4) sangat setuju. Penyelidik juga telah membuat tinjauan terhadap kesediaan pelajar semester akhir jurusan kreatif di Politeknik Malaysia Ibrahim Sultan memilih keusahawanan sebagai aspirasi karier terhadap keusahawanan.

Skor Min	Tahap
1.01 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.0	Sederhana Rendah
3.01 – 4.0	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.0	Tinggi

Jadual 2: Interpretasi Min

Instrumen kajian digunakan untuk menginterpretasi data daripada responden menggunakan nilai min sebagai panduan. Menurut (Frederick et al,1991) kaedah ukuran kecenderungan memusat adalah nilai purata yang diambil sebagai nilai yang mewakili nilai yang banyak iaitu min.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian, :

Bahagian A - Tahap pengetahuan pelajar selepas mengikuti kursus keusahawanan

Bahagian B - Trend minat keusahawanan dikalangan pelajar

Bahagian C - Faktor kecenderungan terhadap keusahawanan

4.1 Bahagian A - Tahap pengetahuan pelajar selepas mengikuti kursus keusahawanan

Jadual 3 jelas menunjukkan hasil dapatan kajian berkenaan dengan tahap pengetahuan pelajar semester akhir jurusan kreatif di Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Malaysia Ibrahim Sultan selepas mengikuti kursus keusahawanan. Dapatan kajian tersebut menunjukkan skor min tertinggi adalah 3.44 dimana pelajar tahu keusahawanan memerlukan strategi pemasaran yang berkesan sebelum memulakan sesuatu idea perniagaan. Majoriti responden (65.9%) mengetahui bahawa perancangan perniagaan adalah berguna untuk permohonan pinjaman modal bagi seseorang usahawan. Tinjauan juga menunjukkan kefahaman pelajar setelah mengikuti kursus keusahawanan dengan 64.6% bersetuju Keusahawanan memerlukan pencarian maklumat & data sebagai persediaan awal menceburi keusahawanan. Ini disokong dengan responden mencatatkan skor min yang sama iaitu 3.37 bagi item S2-Keusahawanan memerlukan modal dan S3-Perancangan perniagaan adalah perlu sebagai garispanduan dalam menjalankan perniagaan.

Nilai skor min yang rendah tertumpu kepada item S1 dengan 62.2% sangat setuju bahawa bidang keusahawanan adalah bekerja sendiri. Dapatan kajian menunjukkan skor min keseluruhan ialah 3.02 – 4.0 keputusan sederhana tinggi iaitu 90.9% tahap pengetahuan pelajar terhadap keusahawanan, manakala hasil dapatan skor min keseluruhan 2.01 – 3.0 keputusan sederhana rendah ialah 9.09%. Kajian jelas membuktikan, mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam menguasai ilmu berkaitan bidang keusahawanan adalah faktor yang penting bagi pelajar dan perlu diberi perhatian oleh institusi.

Jadual 3 : Bahagian A - Taburan responden berdasarkan tahap pengetahuan pelajar selepas mengikuti kursus keusahawanan.

I t e m	Penyataan	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak setuju (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)	Skor Min
S1	Bidang keusahawanan adalah bekerja sendiri	3.7	19.5	14.6	62.2	2.28
S2	Keusahawanan memerlukan modal	1.2	2.4	41.5	54.9	3.37
S3	Perancangan perniagaan adalah garis panduan dalam menjalankan perniagaan	1.2	1.2	57.3	40.3	3.37
S4	Perancangan perniagaan adalah mengemukakan idea perniagaan	1.2	3.7	57.3	37.8	3.32
S5	Perancangan perniagaan adalah berguna untuk permohonan pinjaman modal	1.2	12.2	65.9	20.7	3.06
S6	Keusahawanan adalah mendaftar perniagaan sendiri	1.2	14.6	61.0	23.2	3.06
S7	Keusahawanan memerlukan strategi pemasaran yang berkesan	1.2	0	52.5	46.3	3.44
S8	Keusahawanan memerlukan pencarian maklumat & data	1.2	2.4	64.6	31.8	3.27
S9	Keusahawanan berkait rapat dengan perancangan perniagaan	1.2	3.7	62.2	32.9	3.27
S10	Keusahawanan memerlukan pemahaman tentang kewangan	1.2	3.7	57.3	37.8	3.32
S11	Keusahawanan memerlukan latihan & bimbingan berterusan	1.2	4.9	61.0	32.9	3.26
Keseluruhan skor min						3.24

Walaupun hasil kajian menunjukkan masih terdapat segelintir responden tidak bersetuju bahawa Bidang keusahawanan adalah bekerja sendiri (19.5%) dan keusahawanan berkait rapat dengan mendaftar perniagaan sendiri (14.6%) dan Perancangan perniagaan adalah berguna untuk permohonan pinjaman modal (12.2%). Keadaan ini berlaku kemungkinan mereka masih baru dan memerlukan pendedahan yang lebih dalam bidang keusahawanan. Peratusan ini juga memberi gambaran awal tentang keperluan pelajar jurusan kreatif untuk mencari maklumat tambahan terkini untuk memantapkan pengetahuan mereka dalam bidang keusahawanan.

4.2 Bahagian B - Trend minat keusahawanan kepada pelajar

Minat merupakan elemen yang penting dalam memulakan sesuatu aktiviti. Sekiranya seseorang mempunyai minat yang mendalam, hasil atau kesannya adalah lebih optima. Justeru itu, dalam memulakan sesuatu perniagaan atau memilih keusahawanan sebagai satu karier, trend minat adalah sangat penting. Dengan minat segala usaha akan disinergikan bersama kriteria yang lain untuk menghasilkan kejayaan. Minat juga dapat membentuk pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam bidang keusahawanan yang diceburinya.

Jadual 4: Bahagian B: Taburan responden berdasarkan trend minat keusahawanan kepada pelajar.

ITEM	Penyataan	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak setuju (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)	Skor Min
S1	Saya pernah mengikuti kursus/seminar keusahawanan di Politeknik	1.2	19.8	22.2	56.8	3.00
S2	Saya berminat untuk mengikuti seminar keusahawanan yang diadakan di dalam atau luar Politeknik	1.2	17.1	64.6	17.1	2.98
S3	Saya mengambil kursus keusahawanan di Politeknik	1.2	21.0	45.7	32.1	3.09
S4	Saya mengikuti kursus keusahawanan dengan sukarela	3.7	19.5	62.2	14.6	2.88
S5	Saya akan merebut peluang untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran perniagaan	1.2	7.3	58.5	32.9	3.23
S6	Saya bercita-cita untuk menjadi usahawan berjaya	3.7	13.4	47.6	35.4	3.15
S7	Saya mahu mempunyai perniagaan sendiri pada usia muda	3.7	12.2	47.6	36.6	3.17
S8	Saya mahu memajukan diri, keluarga & agama melalui aktiviti perniagaan	2.5	7.4	49.4	40.7	3.28
S9	Saya mahu mencipta jenama saya sendiri pada masa hadapan	2.4	12.2	41.5	43.9	3.27
S10	Saya sanggup mengeluarkan duit sendiri untuk mengikuti latihan keusahawanan	4.9	14.6	61.0	19.5	2.95
S11	Saya sanggup mengeluarkan duit sendiri untuk memulakan keusahawanan	2.4	12.2	58.5	26.8	3.10
Keseluruhan skor min						3.10

Sekiranya ditinjau melalui pernyataan yang mengukur trend minat terhadap bidang keusahawanan (Jadual 4), sebanyak 11 item telah ditanya kepada responden. Dapatan kajian tersebut menunjukkan skor min tertinggi terarah kepada S8-Saya mahu memajukan diri, keluarga & agama melalui aktiviti perniagaan. Pelajar juga menunjukkan kesungguhan minat kepada keusahawanan melalui S9 iaitu Saya mahu mencipta jenama saya sendiri pada masa hadapan dengan skor min 3.27. Dapatan juga menunjukkan skor min sederhana tinggi S5-pelajar bersedia merebut peluang untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran perniagaan dan S7-Mempunyai perniagaan sendiri pada usia muda dengan skor 3.17. Di samping itu, responden juga berpandangan positif terhadap beberapa pernyataan seperti S6-Saya bercita-cita untuk menjadi usahawan berjaya (min=3.13) iaitu 83% setuju & sangat setuju. Hampir 85% menyatakan setuju untuk sanggup mengeluarkan duit sendiri untuk memulakan keusahawanan (min=3.10). Hasil daripada dapatan skor min keseluruhan (3.01 – 4.0) iaitu 64%. Peratusan ini menunjukkan trend minat pelajar semester akhir jurusan kreatif yang sederhana tinggi terhadap keusahawanan. Namun begitu hampir 36% responden menunjukkan keseluruhan skor min 2.01 – 3.0 sederhana rendah pada item S1, S2, S4 dan S10 dimana pelajar belum berkeyakinan dan bersedia untuk mengeluarkan modal bagi mengikuti latihan keusahawanan selanjutnya (min=2.95).

4.3 Bahagian C: Faktor kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan

Secara umumnya faktor kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan ini diukur dengan 15 pernyataan (Jadual 5). Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan kajian berkenaan faktor kecenderungan pelajar-pelajar semester akhir jurusan kreatif yang telah mengikuti kursus keusahawanan semasa dalam pengajian. Hampir (80%) responden memberikan skor min (3.01 – 4.0) terhadap faktor kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan. Majoriti responden mempunyai pandangan faktor kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan kursus keusahawanan yang ditawarkan memberi manfaat yang sederhana tinggi kepada mereka. Baki (20%) sahaja responden memberi skor min sederhana (2.01 – 3.0) terhadap faktor kecenderungan terhadap keusahawanan.

Penyataan seperti S5-Saya tidak mahu dibelenggu masalah kewangan dan S15-Saya tidak mahu hidup susah & bergantung kepada bantuan orang lain menunjukkan skor tertinggi (min=3.34). Skor di tangga kedua (min=3.26) tertumpu kepada S10-berniaga sebagai sumber pendapatan sampingan. Item S9,S11, S12 & S14 berada di kedudukan ketiga skor min (3.21). Turut berada di tahap sederhana tinggi ialah S1-Saya berminat untuk menjalankan perniagaan selepas graduasi. Pencapaian untuk skor (2.01 – 3.0) sederhana rendah menunjukkan 41.4% pelajar datang dari latarbelakang keluarga yang makan gaji. Skor min terendah ialah 2.30 merujuk kepada S3- Saya hidup mewah kerana keluarga saya berniaga dimana 63.5% tidak bersetuju dengan penyataan tersebut.

Jadual 5 : Bahagian C - Taburan responden berdasarkan faktor kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan.

I t e m	Penyataan	Sangat Tidak Setuju (%)	Tidak setuju (%)	Setuju (%)	Sangat Setuju (%)	Skor Min
S1	Saya berminat untuk menjalankan perniagaan selepas graduasi	0	13.4	54.9	31.7	3.18
S2	Keluarga saya menjalankan perniagaan sebagai sumber pendapatan keluarga	2.4	39.0	40.2	18.3	2.74
S3	Saya hidup mewah kerana keluarga saya berniaga	15.9	47.6	26.8	9.8	2.30
S4	Saya cenderung untuk berniaga setelah melihat kesenangan hidup kawan-kawan saya	2.4	18.3	53.7	25.6	3.02
S5	Saya tidak mahu dibelenggu masalah kewangan	0	6.1	53.7	40.2	3.34
S6	Saya cenderung untuk berniaga kerana kerajaan memberi galakkan	0	22.0	52.4	25.6	3.03
S7	Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan/dana perniagaan kepada usahawan	0	19.5	59.8	20.7	3.01
S8	Saya mempunyai idola dikalangan keluarga yang berjaya dalam aktiviti perniagaan	2.4	22.0	59.8	15.9	2.89
S9	Saya mahu membantu masyarakat dengan memberi peluang pekerjaan melalui perniagaan saya	0	8.5	62.2	29.3	3.21
S10	Saya ingin berniaga sebagai sumber pendapatan sampingan	0	6.1	62.2	31.7	3.26
S11	Saya berasa bermotivasi untuk berniaga setelah mempelajari ilmu dan kemahiran perniagaan	0	3.7	72.0	24.4	3.21
S12	Saya tidak mahu dikongkong oleh beban kewangan dengan makan gaji	1.2	3.7	68.3	26.8	3.21
S13	Saya tidak dapat mencapai matlamat hidup sekiranya saya bekerja makan gaji	0	20.7	56.1	23.2	3.02
S14	Saya mahu mencontohi ahli perniagaan yang hidup mewah	0	9.8	59.8	30.4	3.21
S15	Saya tidak mahu hidup susah & bergantung kepada bantuan orang lain	1.2	2.4	57.3	39.1	3.34
Keseluruhan skor min						3.07

Dapatan keseluruhan bagi faktor kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan menunjukkan skor 3.07. Tahap sederhana tinggi kebanyakan responden berpunca daripada pelajar semester akhir yang belum menceburi alam pekerjaan. Penyelidik berharap berlaku perubahan positif dalam penguasaan pengetahuan dan pemahaman yang mendalam terhadap bidang keusahawanan yang telah diperolehi di institusi. Apabila pelajar tersebut telah menguasai semua kursus yang berkaitan dengan jurusan kreatif dan mengikuti kursus keusahawanan bakal memupuk minat yang mendalam kepada keusahawanan seterusnya mendorong ke arah aspirasi karier masa depan.

5. Kesimpulan dan cadangan

Kajian ini merupakan senario awal yang boleh dilihat oleh penyelidik dalam mengenal pasti aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar jurusan kreatif dan menilai faktor-faktor yang mempengaruhi aspirasi karier ke arah keusahawanan. Sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang memfokuskan untuk membangun dan mendidik bakal-bakal usahawan dengan latarbelakang jurusan yang seiring dengan Revolusi Industri (IR 4.0). Kajian ini secara umumnya telah menunjukkan tahap pengetahuan dan minat pelajar semester akhir terhadap keusahawanan. Masih terlalu awal untuk menjangkakan kecenderungan mereka kerana banyak indikasi yang perlu dilaksanakan untuk menarik minat mahasiswa dalam bidang keusahawanan ini. Pendekatan pendidikan boleh digunakan sebagai salah satu instrument untuk mencapai hasrat tersebut. Program keusahawanan IPT yang berstruktur dan holistik bakal memberi peluang kepada pelajar untuk menjana pendapatan semasa dalam pengajian, di samping berupaya meningkatkan keyakinan dan melonjakkan tahap kebolehpasaran mereka. Mempraktikkan program keusahawanan dalam aktiviti selepas kuliah adalah mekanisme terbaik yang boleh dilestarikan. Di samping itu galakkan yang berterusan kepada mahasiswa untuk menjalankan aktiviti keusahawanan diperingkat institusi akan menjadikan mereka lebih berkemahiran dan dapat mengaplikasikan teori yang mereka perolehi semasa pengajian. Ringkasnya, matlamat pendidikan keusahawanan yang dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi awam adalah untuk membentuk pelajar sebagai penjana pekerjaan yang mampu menyediakan serta mempelbagaikan peluang pekerjaan dalam masyarakat. Kementerian Pendidikan misalnya menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016- 2020 menyasarkan 100% pelajar IPTA mendapat pendedahan kepada nilai dan atribut keusahawanan menjelang tahun 2020 di bawah Strategi Membangunkan Kurikulum Holistik dan Bersepadu melalui Inisiatif: Melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian. Justeru, bekerja sendiri ataupun memiliki perniagaan dilihat merupakan pilihan yang realistik bagi pelajar semester akhir jurusan kreatif Politeknik Malaysia Ibrahim Sultan oleh kerana kemahiran individu yang telah dimiliki oleh mereka bakal menyerlahkan senario keusahawanan. Oleh itu, usaha berterusan untuk memantapkan pendidikan keusahawanan merentasi kepelbagaian program pengajian perlu dilakukan oleh semua agensi penyedia pendidikan/ latihan. Maka, kajian ini menyarankan agar sistem sokongan yang lebih bersepadu dan efektif boleh difikirkan bersama ke arah mengukuhkan seterusnya meningkatkan kesediaan pelajar TVET di Malaysia untuk menceburi bidang keusahawanan pada masa hadapan.

Rujukan

- Pelan Tindakan Keusahawanan (2016 – 2020) Institusi Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi
- KPT. (2007). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- KPT. (2013). Pelan Strategik Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi: 2013-2015. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- KPT. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya: Kem.Pendidikan Tinggi
- UNIRAZAK. (2015). Entrepreneurship trends in Malaysia: A National Five Year (2009-2013) Longitudinal Study Using GEM Methodology. Kuala Lumpur: Universiti Tun Abdul Razak.
- Parimala Rengiah (2013). Effectiveness of Entrepreneurship Education in Developing Entrepreneurial Intentions among Malaysian University Students. ePublication Theses. Southern Cross University.
- Tolbert (1974). *Counseling for Career Development*. Boston: Houghton Mufflin Co.
- Zhengxia Peng, Genshu Lu, Hui Kang (2012). Entrepreneurial Intentions and Its Influencing Factors: A Survey of the University Students in Xi'an China. Vol. 3, pg 95-100. *Scientific Research Journal*.
- Peter k. Drucker (1985); *Inovation and Entrepreneurship*; Harpercollins Publisher Inc. New York, USA.